

**PEJABAT BAHAGIAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL,
LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA,
WOKSYOP MADA, 06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN.
TELEFON : 04-9171212 / 04-9171216 TELEFAX : 04-9176473**

NOTIS TENDER: BEKALAN

TENDER NO. MADA(T)/BME/P/5/2024

1. Tender daripada petender tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang seperti berikut:

- i. **140202** (Peralatan Kejuruteraan Elektrik Dan Elektronik - Stesen Janakuasa Elektrik Dan Peralatan Generator/Alat Ganti Dan Bateri - Penjana Kuasa) atau;
- ii. **140203** (Peralatan Kejuruteraan Elektrik Dan Elektronik - Stesen Janakuasa Elektrik Dan Peralatan Generator/Alat Ganti Dan Bateri - Alat Penyimpan Tenaga Dan Aksesori) atau;
- iii. **220503** (Perkhidmatan - Penyelenggaraan/Pembaikan Kejuruteraan Dan Komunikasi - Perkakas/Sistem Elektrik) atau;
- iv. **222801** (Perkhidmatan - Perkhidmatan Teknologi Hijau - Teknologi Hijau).


akan diterima di **PEJABAT BAHAGIAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL, LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA, WOKSYOP MADA, 06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN** hingga tutup tawaran jam 12.00 tengah hari pada **25/04/2024 (KHAMIS)** untuk:-

No. Kontrak	Tajuk	Lawatan Tapak	Kod Bidang
MADA(T)/BME/ P/5/2024	Membekal, Menghantar, Menguji Dan Menjayajalankan Pepasangan Sistem Solar Self-Consumption (SelCo) Serta Lain-Lain Yang Berkaitan Di Stesen-Stesen Pam MADA.	Tiada Lawatan Tapak	Seperti dinyatakan di atas

2. Semua butiran dan Dokumen Tawaran Tender boleh dibeli dengan harga **RM 100.00 / set** di Pejabat seperti alamat di atas, mulai **03/04/2024 (RABU)** sehingga **24/04/2024 (RABU)** pada waktu dan hari bekerja. Setiap bayaran hendaklah dibuat secara **Kiriman Wang/Wang Pos/Deraf Bank** atas nama **AKAUNTAN MADA**. Bayaran secara **Wang Tunai** atau dengan **Cek** tidak akan diterima.

DOKUMEN A

3. Petender yang ingin mengambil bahagian dalam tawaran ini dikehendaki membawa bersama **PERAKUAN PENDAFTARAN SSM, SURAT PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dan **SURAT AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BERTARAF BUMIPUTERA** (jika berkaitan) yang asal untuk pemeriksaan dan sertakan sesalinan fotostat surat pendaftaran tersebut kepada pegawai yang mengeluarkan dokumen tender. Bagi mana-mana petender yang namanya tiada di dalam surat-surat pendaftaran di atas, perlulah mengemukakan **SURAT LANTIKAN WAKIL SYARIKAT** yang sah sebagai bukti untuk mengambil bahagian di dalam tawaran ini.
4. Petender mestilah mengemukakan **TAWARAN HARGA** dan **TAWARAN TEKNIKAL** di dalam **DUA (2) SAMPUL SURAT BERASINGAN YANG BERLAKRI** dan dimasukkan ke dalam **SATU (1) SAMPUL SURAT UTAMA BERLAKRI** dengan menulis nombor tender tersebut pada ketiga-tiga sampul surat tersebut, kemudian dimasukkan ke dalam **PETI TAWARAN** yang disediakan di pejabat seperti alamat di atas, sebelum daripada waktu tutup penerimaan tender ini.
5. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
6. Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah sekali atau mana-mana tawaran. Pihak MADA juga tidak terikat untuk menerima hanya **SATU (1)** tawaran petender bagi kesemua item, tawaran boleh diterima dari petender yang berlainan mengikut item yang berlainan di dalam tawaran tender.



(Ir. EDDI ZAIMEE BIN ROMLI)
Pengarah Bahagian Mekanikal dan Elektrikal,
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda.

**BAHAGIAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL
LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)**

TENDER NO. MADA(T)/BME/P/5/2024

BORANG PELAWAAN TENDER UNTUK BEKALAN


Kepada: (Nama petender dan alamat)

Pelawaan Tender dikeluarkan oleh:

Pejabat Bahagian Mekanikal dan Elektrikal,
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA),
Woksyop MADA,
06000 Jitra, Kedah Darul Aman.

Tarikh: **03/04/2024**

1. Sila sebutkan harga untuk bekalan seperti disenaraikan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.
2. Syarat-syarat penyempurnaan : Bekalan mesti menurut spesifikasi dan syarat yang ditetapkan.
3. Tarikh penyempurnaan : Dalam tempoh 20 **MINGGU** dari tarikh memulakan perkhidmatan.
4. Tarikh memulakan Bekalan : **SATU (1) MINGGU** daripada tarikh Surat Setuju Terima Tender yang dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa.
5. Arahan pengiriman : Dihantar ke pejabat tersebut di atas beserta salinan **Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan, Surat Akuan Pendaftaran Syarikat Bertaraf Bumiputera** (jika berkaitan) dan **Profil Syarikat** termasuk **Penyata Kewangan** bagi tiga (3) bulan terkini yang disahkan oleh pihak bank.
6. Pembayaran : Pembayaran adalah dengan Kiriman Wang / Wang Pos / Deraf Bank / Pindahan Elektronik / Atas Talian.
7. Petender mestilah mengemukakan **TAWARAN HARGA** dan **TAWARAN TEKNIKAL** di dalam **DUA (2) SAMPUL SURAT BERASINGAN YANG BERLAKRI** dan dimasukkan ke dalam **SATU (1) SAMPUL SURAT UTAMA BERLAKRI** dengan menulis nombor Tender (Tender No. **MADA(T)/BME/P/5/2024**) tersebut pada ketiga-tiga sampul surat tersebut, kemudian dimasukkan ke dalam **PETI TAWARAN** yang disediakan di **Pejabat Bahagian Mekanikal dan Elektrikal, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, Woksyop MADA, 06000 Jitra, Kedah** sebelum **12.00 TENGAH HARI, 25/04/2024 (KHAMIS)**. Mana-mana Tender yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup yang telah ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
8. Bukti kiriman dengan pos tidak akan dianggap sebagai bukti penerimaan tawaran tersebut.
9. Tempoh sah laku Tender hendaklah **120 hari** selepas tarikh tutup.
10. Petender hendaklah mengemukakan **Senarai Semak** yang lengkap diisi.



(Ir. EDDI ZAIMEE BIN ROMLI)

Pengarah Bahagian Mekanikal dan Elektrikal,
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda.